

Headline	MBPJ komited atasi miskin bandar		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	24	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	221 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,408
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,224



MBPJ komited atasi miskin bandar

PETALING JAYA 8 Jun - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) terus komited dalam misi mengeluarkan kira-kira 900 keluarga serta individu yang masih berada pada paras kemiskinan atau golongan miskin bandar di kawasan pentadbirannya.

Datuk Bandar Petaling Jaya, Mohd. Azizi Mohd. Zain berkata, pelbagai usaha telah dijalankan bagi membantu golongan ini keluar daripada kepompong kemiskinan.

Menurutnya, salah satu usaha diambil melalui Program Pembasmi Kemiskinan Bandar MBPJ (PPKB) yang wujud sejak tahun 2011.

"Hasil positif dapat dilihat apabila angka kian merigecil setelah nasib keluarga yang berdaftar dengan PPKB berjaya keluar dari paras kemiskinan itu," katanya dalam sidang akhbar di sini.

Terdahulu beliau menyampaikan sumbangan sempena Ramadan dalam Program Tautan Kasih

Warga Emas Petaling Jaya.

Lebih 2,000 kakitangan MBPJ diraikan dengan agihan buah kurma sementara 80 warga emas yang berdaftar di bawah PPKB

menerima sumbangan wang tunai RM100 serta baucar barang bernilai RM100 seorang.

Beliau berkata, isu kemiskinan bandar di Petaling Jaya agak terpencil.

Katanya, kebanyakan keluarga terlibat tinggal di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Damansara, PPR Lembah Subang,

Petaling Jaya Selatan (PJS), Desa Mentari, Taman Medan dan Taman Datuk Harun.

"Petaling Jaya amat berbeza dengan mana-mana kawasan pentadbiran bertaraf bandar raya lain.

"Ini kerana kami tidak berdepan dengan isu pengemis dan gelandangan yang serius dan boleh dikatakan hampir tiada," katanya.

Tambahnya, MBPJ juga telah bergerak melalui kerjasama dengan syarikat-syarikat korporat bagi membantu golongan sasar memperbaiki taraf hidup mereka.

"Salah satu daripadanya melalui program 'Food Bank' yang dijayakan dengan kerjasama bersama Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd. (Bank Rakyat) selepas Hari Raya Aidilfitri ini," katanya.



MOHD. AZIZI MOHD. ZAIN (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan buah kurma kepada kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dalam Program Tautan Kasih Warga Emas, Petaling Jaya, Selangor, semalam.

Headline	Projek tempat kereta bertingkat di SS15		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	23	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	194 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,834
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,503



Projek tempat kereta bertingkat di SS15

SUBANG JAYA 8 Jun - Pemilik kenderaan di kawasan komersial SS15 kini boleh menarik nafas lega apabila projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat di kawasan itu giat dilaksanakan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ). Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, projek bernilai RM11 juta yang ditanggung MPSJ sepenuhnya dijangka siap pada 7 Mei tahun hadapan.

Jelasnya, kompleks setinggi empat tingkat itu meliputi sebanyak 604 buah petak letak

kenderaan, termasuk petak untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) dengan keluasan 62,749 kaki persegi.

"SS15 merupakan antara kawasan tumpuan ramai di Subang Jaya.

"Selain terdapat banyak rumah kedai, kolej, lokasi ini hampir dengan stesen Transit Aliran Ringan (LRT).

"MPSJ amat memahami run-

gutan orang ramai berhubung masalah ini," katanya dalam sidang akhbar selepas hadir merasmikan upacara pecah tanah kompleks itu di sini.

Menurut Nor Hisham, berhubung kadar caj tempat letak kereta kompleks tersebut, perkara itu masih dalam peringkat perbincangan.

"Apa yang pasti caj dikenakan tidak akan membebankan," katanya.



NOR HISHAM
AHMAD DAHLAN



LAKARAN artis
tempat letak kereta
bertingkat MPSJ.

Headline	MDHS buka kaunter sepanjang Ramadan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	23	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	51 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 665
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,994



MDHS buka kaunter sepanjang Ramadan

KUALA LUMPUR 8 Jun - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) akan membuka kaunter pembayaran dan perkhidmatan sepanjang bulan Ramadan ini bermula pada pukul 7.30 pagi hingga 4.30 petang.

Pegawai Komunikasi Kor-

poratnya, Junainah Abdullah berkata, bagaimanapun waktu operasi kaunter tersebut akan kembali seperti biasa bermula 6 Julai ini pada pukul 8 pagi hingga 5 petang.

“Kaunter sama akan turut dibuka pada Sabtu dan Ahad

bermula pada pukul 9 pagi hingga 2 petang, pada 1 Julai sehingga 31 Ogos termasuk hari kelepasan am.

“Kaunter turut dibuka semasa cuti Hari Raya Aidilfitri,” katanya dalam kenyataan di sini.

Headline	Mahu bertemu 40,000 pengundi		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	316 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,246
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,737



BUDIMAN MOHD. ZOHDI (kanan) beramah mesra dengan kanak-kanak kurang upaya, Mohamad Fariz Haiqal Mohamad Fairuz yang ditemani bapanya, Mohamad Fairuz Tasdeek pada program Jom Shopping Raya di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Besar, Selangor, semalam. - BERNAMA

Budiman sasar lawat 100 tempat sehari

Mahu bertemu 40,000 pengundi

■ SABAK BERNAM 8 JUN

DALAM sehari, Budiman Mohd. Zohdi melawat sekurang-kurangnya 100 tempat sepanjang kempen pilihan raya kecil (PRK) Sungai Besar yang memasuki hari keempat ini.

Menurutnya, beliau menyasarkan berjumpa dengan 3,000 pengundi sehari supaya jumlah keseluruhan pengundi lebih 40,000 orang dapat ditemui dalam tempoh 13 hari berkempen.

“Pada sebelah pagi, saya lawat 60 tempat dan petang, 40 tempat.

“Sebelah malam pula, selain lawatan, saya pergi ke dua mas-



Menyasarkan berjumpa dengan 3,000 pengundi sehari supaya jumlah keseluruhan pengundi lebih 40,000 orang dapat ditemui dalam tempoh 13 hari berkempen.”

BUDIMAN MOHD. ZOHDI
Calon BN

jid. Satu untuk berbuka, satu lagi solat tarawih,” katanya.

Calon Barisan Nasional (BN)

bagi PRK Parlimen Sungai Besar itu ditemui selepas melawat Pusat Operasi Pasukan Sukarelawan Malaysia (Rela) di sini hari ini.

Beliau mengakui rasa letih sepanjang berkempen namun semua itu ditolaknya ketepi bagi memastikan BN dapat mengekalkan kemenangan kerusi Parlimen Sungai Besar, 18 Jun ini.

Budiman menambah, dalam kempen itu, beliau membawa bersama gerak kerja dasar dan polisi bertujuan mensejahterakan rakyat dari aspek pendidikan dan ekonomi.

“Kesemua ini boleh dibuat jika kawasan Parlimen Sungai Besar ada hubungan baik dengan kerajaan BN,” ujarnya.

Headline	Pakatan Harapan optimis calon boleh menang		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	6	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,405
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,215



Pakatan Harapan optimis calon boleh menang

SHAH ALAM - Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Siti Mariah Mahmud berpuas hati terhadap gerak kerja parti dan calon dipilih di kedua-dua buah PRK Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Menurutnya, penerimaan yang ditunjukkan oleh pengundi adalah sangat positif, malah menguatkan lagi semangat mereka untuk meraih kepercayaan dan undi seterusnya memenangi kedua-dua PRK kali ini.

"Apa yang menjadi cabaran ialah pergerakan jentera pada bulan puasa terutama jentera wanita yang perlu membahagi masa di antara tanggungjawab keluarga dan parti."

"Masing-masing sedang berkorban bagi memastikan



SITI MARIAH

jentera pilihan raya lancar walaupun tidak dapat bersama keluarga," katanya.

Ahli Parlimen Kapar, G Maniyanan dari PKR pula berkata, calon Pakatan Harapan yang diletakkan di kedua-dua PRK kali ini merupakan calon tempatan yang 'arif' dengan

kawasan masing-masing.

"Saya yakin calon dipilih mampu menawan hati pengundi di kawasan masing-masing kerana mereka ada reputasi tersendiri, faham kehendak dan masalah dihadapi penduduk setempat," katanya.

Sementara itu, Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago berpendapat terlalu awal untuk menentukan calon mana akan menang ekoran semua jentera bergerak perlahan bagi menghormati Ramadan.

"Pergerakan seperti nam-pak tak nampak, namun banyak isu menjadi intipati perjuangan Pakatan Harapan terus disampaikan kepada rakyat seperti kenaikan kos sara hidup dan GST yang menyumbang pelbagai tekanan," katanya.

Headline	Nafi wujudnya parti dominan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	6	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	247 cm ²
Journalist	MOHD HAFIZ ISMAIL	AdValue	RM 4,213
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,640



Nafi wujudnya parti dominan



Dari kanan: Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar, Khalid dan Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua pada sidang media Pakatan Harapan, semalam.

■ MOHD HAFIZ ISMAIL

SUNGAI BESAR - Pakatan Harapan menangkis dakwaan wujud parti tertentu mendominasi pakatan itu.

Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (Amanah), Khalid Abd Samad mendakwa, model kerjasama didominasi satu parti adalah BN dan bukan Pakatan Harapan.

Menurutnya, Pakatan Harapan terdiri daripada tiga parti yang mempunyai dasar dan visi berbeza tetapi wujud banyak persamaan.

"Kerjasama dibina atas persamaan ini dan diterjemahkan berpandukan Perlembagaan Negara. Kami mengutuk dakwaan keji laporan media menyebut 'setelah puas menunggang Pas, DAP sekarang menunggang Amanah'," katanya dalam sidang media Pakatan Harapan di Pejabat Amanah Sungai Besar.

Beliau berkata, strategi menggambarkan Amanah sebagai tunggangan DAP adalah strategi lapuk yang sebelum ini digunakan terhadap Pas sewaktu berada dalam PR.

"Setelah Pas tidak lagi menggugat BN, ia digunakan pada Amanah pula," katanya.

Jelasnya, dua PRK yang sedang berlangsung boleh dijadikan bukti bahawa tidak wujud mana-mana parti mendominasi Pakatan Harapan.

"Ia bukti kesediaan tiga parti berbinang, berunding secara terbuka dan jujur," katanya.

Khalid berkata, Amanah sejak awal ingin bertanding di dua PRK, namun atas persetujuan Pakatan Harapan, usaha berunding dengan Pas dilakukan oleh pimpinan PKR.

"Dalam keadaan ini, Amanah akur keputusan berkenaan. Setelah berusaha sekitar lama, terbukti Pas tidak sudi berunding.

"Dengan keputusan dibuat untuk hentikan usaha mendapat persetujuan berunding, pimpinan PKR akur dan Amanah diputuskan wakil Pakatan Harapan," katanya.

Khalid berkata, dalam mentunkan calon, DAP mencadangkan Presiden Amanah, Mohamad Sabu dicalonkan di Sungai Besar dan Timbalan Pengerusi Amanah Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin di Kuala Kangsar.

"Setelah menilai hujah dikemukakan rakan Pakatan Harapan, maka DAP terima dan akur dengan keputusan meletakkan calon-calon tempatan yang berkaliber."

"Keadaan berbeza pandangan dan berlawanan dengan hujah adalah perkara biasa dalam Pakatan Harapan. Soal dominasi dan tunggangan menunggang bukan budaya Pakatan Harapan tetapi budaya Umno serta BN," katanya.

Headline	Jangan dikejar tak dapat, dikendong berciciran		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	09 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	8	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	140 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,824
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,473



'Jangan dikejar tak dapat, dikendong berciciran'

Oleh **ZULKIFLEE JALIL**

pengarang@utusan.com.my

TIDAK perlu hanya fokus kepada pengundi tertentu untuk menang.

Dalam politik, mana ada suatu kategori pengundi itu sahaja menjadi penentu kemenangan.

Telahan itu biasanya hanya muncul setelah keputusan pilihan raya diperoleh. Sedangkan hakikatnya semua pengundi iaitu dalam tempoh ini dalam pilihan raya kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar itu sama penting.

Walaupun pengundi Melayu dan Cina sasarannya, pengundi India jangan dilupakan. Daripada 42,655 pemilih berdaftar di Sungai Besar, sebanyak 820 orang adalah pengundi India. Di kerusi Parlimen Kuala Kangsar, sejumlah 2,299 pengundi India meliputi 32,949 pemilih berdaftar.

Di Sungai Besar terutamanya, kalau diikutkan undi Melayu sudah pecah empat - BN, Pas, PAN dan PKR.

Masing-masing mahu menggapai undi Melayu. Di atas kertas, calon-calon BN dan Pas pasti menjadi pilihan pengundi Melayu. Namun PAN jangan diremehkan. Parti itu memiliki kelebihan.

Selain mendapat jolokan 'proksi' atau 'sayap Melayu' DAP, PAN dikatakan 'bakal' mendapat 20-25 peratus undi daripada penyokong Pas. Kira-kira 200,000 daripada sejuta ahli Pas yang me-

lalui proses pembersihan dalam setahun ini dikatakan telah 'menyeberang' ke PAN.

PRK Sungai Besar selain Kuala Kangsar sebenarnya platform bagi merebut sokongan kaum Melayu sebagai asas untuk menang. Ia atas sebab pengundi bukan Melayu menjadi penentu utama calon mana yang bakal menang.

Ini kerana bermula daripada pilihan raya umum ke-12 (PRU-12) yang menjangkit ke PRU-13, pengundi bukan Melayu sudah berpihak kepada parti bukan BN.

Adakah kecenderungan itu dilihat akan berterusan dalam dua PRK kali ini?

Cuma dalam PRK Sungai Besar, mesti cerdik percaturannya.

Pengundi yang mendominasi kawasan tertentu tidak dihirau, mahu ke seberang sana pula.

'Jangan dikejar tak dapat, dikendong berciciran'.



Pengundi yang mendominasi kawasan tertentu tidak dihirau, mahu ke seberang sana pula."

Headline	Ceramah Pakatan Harapan diarah henti awal kerana tiada permit		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	09 Jun 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	6	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	111 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,093
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,279



Ceramah Pakatan Harapan diarah henti awal kerana tiada permit

SUNGAI BESAR - Ceramah Pakatan Harapan di Kampung Penerangan, Sekinchan malam kelmarin, didakwa dihentikan lebih awal selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memaklumkan penganjur tiada permit.

Ceramah yang diberi sebahagian pimpinan Pakatan Harapan seperti Presiden Amanah, Mohamad Sabu; Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar; Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua dan calon Amanah, Azhar Ab Shukor yang dijadualkan bermula jam 10 malam hingga jam 12 tengah malam disuraukan pada jam 11 malam.

Timbalan Setiausaha DAP Selangor, Ng Sue Lim ketika ditemui selepas ceramah tersebut mendakwa, SPR meminta pihaknya menghentikan program itu kerana tidak mempunyai data bagi program berkenaan.

"Kita akur dengan arahan SPR dan menamatkan ceramah lebih awal," katanya.

Ditanya adakah benar pihak mereka tidak membuat permohonan bagi program ceramah tersebut, Sue Lim menjangkakan permohonan tidak perlu dilakukan.

"Kita ingat untuk kempen PRK ini, kita boleh adakan ceramah tanpa perlu buat permohonan."

"SPR kata tidak boleh, jadi kita akur. Tetapi SPR beri kita sedikit masa untuk suraukan hadirin yang datang," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan mengikuti segala prosedur yang ditetapkan agar ke lancaran siri ceramah Pakatan Harapan tidak terganggu.

Dalam pada itu, Sue Lim menegaskan Pakatan Harapan akan meneruskan usaha bagi menarik undi.

"Kita mahu kempen dengan tenang dan baik serta berharap proses PRK berjalan dengan lancar," katanya.

5 PALING HANGAT PILIHAN PEMBACASINAR ONLINE!

1



Amanah

KALAH PRK BUBAR AMANAH,INI JAWAPAN MAT SABU...

"ITU tidak betul, cakap-cakap orang itu, semua-orang boleh cakap, BN hilang deposit itu pun kita boleh cakap."

Demikian penegasan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu ketika diminta mengulas mengenai dakwaan bahawa parti Amanah akan dibubarkan sekiranya calon mereka hilang wang deposit dalam PRK Kuala Kangsar dan Sungai Besar.



2

APA HUKUM BERUS GIGI PADA BULAN PUASA?

MUFTI Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin memaklumkan amalan bersugi digalakkan tanpa mengira di bulan Ramadan ataupun tidak. Katanya, walaupun ada dakwaan mengatakan ubat gigi tidak boleh digunakan kerana punya rasa tertentu, ia kenyataan tidak kukuh kerana kayu sugi juga ada rasa tersendiri.

www.sinarharian.com.my

3



'SAYA HADIR KERANA BALAS BUDI PAS'

BEKAS Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengulangi pendiriannya tidak mahu menyertai Pas atau mana-mana parti kerana masih menunggu keputusan Pendatang Pertubuhan (ROS) berhubung pemecatannya dari PKR.

Abdul Khalid berkata, beliau sedang menunggu keputusan rasmi ROS sama ada penyingkirannya daripada PKR mengikut peraturan ataupun tidak.



4

'MOGA TAUBAT NIZAR DITERIMA', KATA ZAHID

TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi mendoakan taubat bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin diterima ALLAH SWT. Katanya, beliau 'bersimpati' dengan Nizar dan berharap beliau berubah.

"Saya tidak terkejut dengan apa yang keluar dari kalam beliau (Nizar), kerana rupanya beliau belum pernah berubah."

5



'KENYATAAN NIZAR BIADAB' TEGAS HISHAMMUDDIN

'BIADAB'. Itu reaksi Naib Presiden Umno, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein terhadap kenyataan bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin berhubung PRK Kuala Kangsar.

Hishammuddin berkata, beliau tidak menyangka Nizar tergemark mengeluarkan kenyataan sebegitu tanpa memikirkan perasaan keluarga Allahyarham Datuk Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, hanya semata-mata sebab politik.



09 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 40 • Printed Size: 157.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,678.00
PR value: MYR 8,034.00 • Item ID: MY0026231081

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahusangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Latih penjawat awam mesra OKU

SHAH ALAM- Kerajaan Selangor berusaha mewujudkan kesedaran kalangan penjawat awam barisan hadapan mengenai kepentingan mempelajari bahasa isyarat sebagai kemudahan berkomunikasi dan berurusan dengan masyarakat khususnya golongan orang kurang upaya (OKU) yang mengalami masalah pertuturan dan pendengaran.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, kursus selama dua hari memberi pendedahan kepada peserta tentang kaedah penggunaan bahasa isyarat tangan sebagai bentuk komunikasi atau medium yang boleh digunakan kepada golongan OKU semasa berurusan di jabatan dan agensi masing-masing.

"Usaha ini diharap dapat membantu mempermudah penyaluran dan penerimaan maklumat mahupun aduan daripada golongan ini agar mereka tidak rasa tersisih dalam berhadapan urusan pentadbiran sekali gus mewujudkan semangat saling menghormati terhadap kekurangan dan kelebihan dalam diri setiap individu," katanya.



Daroyah (tengah) menyampaikan sijil kepada peserta kursus.

Beliau berkata, seramai 30 penjawat awam berjaya menamatkan Kursus Bahasa Isyarat Komunikasi Siri ke-2 sejari dengan hasrat kerajaan negeri melahirkan penjawat awam kreatif, inovatif dan mesra OKU.

"Beberapa kaedah dan model digunakan sepanjang kursus ini yang membantu penjawat awam Selangor memahami abjad dan nombor bahasa isyarat sebagai asas perbualan dan meningkatkan kemahiran menggunakan bahasa isyarat sebagai komunikasi sehari-hari," katanya.

Kursus Bahasa Isyarat Komunikasi Siri ke-2 terdiri penjawat awam dari 12 pihak berkuasa tempatan (PBT) dan sembilan pejabat tanah dan daerah.



09 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Norafiza Jaafar • Section: Nasional • Page: 40 • Printed Size: 247.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,213.00
PR value: MYR 12,639.00 • Item ID: MY0026231079

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BERSAMAAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahsongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Guna anak kecil raih simpati

Seramai 35 individu ditahan selepas didapati jalankan aktiviti kutipan tabung palsu, mengemis

■ NORAFIZA JAAFAR

GOMBAK - Taktik mengemis membawa anak kecil dan kutipan atas nama tabung tahniz di depan bank dilihat masih aktif meskipun penguatkuasaan sering dilakukan.

Terbaru, melalui Ops Banteras Pengemis dan Gelandangan yang dilakukan selama sehari sekitar Gombak, Rawang, Sungai Buloh dan Selayang mendapat, sekurang-kurangnya 35 individu diselamatkan dan ditahan.

Ketua Unit Tindakan Khas Majlis Perbandaran Selayang (MPS), C Paramasivam berkata, seorang warga Myanmar beragama Buddha didapati memakai tudung sambil me-

mangku anak kecil di pasar malam Bandar Country Homes untuk menarik simpati masyarakat.

"Melalui pasport, dia bukan Islam tapi mengenakan tudung untuk menipu orang ramai yang berkunjung di pasar malam. Dipercayai dia adalah sindiket yang diturunkan di situ.

"Seorang pengemis warga China turut ditahan di pasar malam sama seawaktu operasi dilakukan di kawasan tersebut," katanya.

Selain itu katanya, beberapa warga asing dari Pattani, Thailand yang dikesan menunggu di depan bank bersama tabung rumah tahniz turut

ditahan.

"Tiada sebarang kebenaran daripada pejabat agama untuk kutipan tersebut dan semakan mendapati putat tahniz tersebut tidak wujud.

"Tiga individu warga tempatan yang melakukan kutipan tabung palsu turut ditahan selepas didapati positif

dadah dan diserahkan kepada Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) untuk tindakan lanjut," katanya.

Operasi yang dijalankan bermula jam 8 pagi hingga 12 malam itu di ketuai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) disertai MPS, AADK, pejabat agama, imigresen dan polis.



Penguat kuasa menahan pengemis dan gelandangan dalam operasi yang dilakukan, baru-baru ini.



09 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Norafiza Jaafar • Section: Nasional • Page: 40 • Printed Size: 247.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,213.00
PR value: MYR 12,639.00 • Item ID: MY0026231079

PEJARAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahotungov@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Pengemis yang ditahan disoal siasat pihak MPS.



Penjaja bazar nekad bakar gerai

Kesal kawasan tapak niaga tak dibenarkan beroperasi, enggan pindah ke lokasi baharu yang didakwa tidak strategik

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

BALAKONG – Bengang apabila penguat kuasa merampas kanopi perniagaan dijalankan, seorang peniaga bertindak membakar gerai bazar Ramadan diusahakan sebagai tanda protes, petang semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 5.05 petang itu, peniaga terbabit dikatakan tidak dapat menahan emosi apabila penguat kuasa bertindak mengangkat peralatan perniagaan ketika mula beroperasi di tapak tersebut.

Sebelum itu, kira-kira 50 peniaga mengadakan protes mendesak pihak berkuasa tempatan (PBT) membenarkan mereka menjalankan perniagaan di sepanjang Jalan Cengal 4, Taman Impian Ehsan.

Bagaimanapun, keadaan bertukar tegang, apabila seorang daripada peniaga tiba-tiba menuang minyak petrol di atas meja gerai malah melumur minyak terbabit di tubuh badannya.

Rakan peniaga terbabit kemudian menyalaikan api menyebabkan payung kanopi dan meja hangus terbakar.

Wakil peniaga, Zainuddin Osman, 45, berkata, PBT mengeluarkan notis mengarahkan kesemua peniaga menghentikan operasi perniagaan sejak petang kelmarin.

Perbincangan diadakan antara peniaga dan PBT pagi semalam nemui jalan buntu dan tidak memihak kepada pihaknya menyebabkan peniaga berkeras meneruskan operasi perniagaan di tapak yang wujud sejak 18 tahun lalu.

“Kami bermiaga di sini sejak belasan tahun lalu, PBT arah kami pindah ke lokasi dalam ‘hutan’ tahun lepas...kami ikut arahan dan bermiaga di tempat diarahkan tapi perniagaan ‘hancur’.

“Tahun ini kami nekad bermiaga dan kekal di tempat lama, kami harap mereka benarkan kami bermiaga di sini 26 hari saja lagi, kami bukan nak

berniaga lama-lama pun.

“Kami patuh semua prosedur, ambil suntikan demam kepialu dan sebagainya...mengapa tak boleh berniaga di sini sedangkan premis kedai judi dibiarkan beroperasi,” katanya.

Tak mahu tanggung rugi

Mahmo Ismail, 51, berkata, dia kecewa usaha mengekalkan bazar di tapak tersebut tidak menemui jalan penyelesaian.

Katanya, tahun lalu peniaga dipindahkan ke tapak tidak strategik menyebabkan ramai mengeluh perniagaan merosot.

“Kami tetap nak pertahankan tapak ini...lokasi bazar lain tersorok dan jauh dari ini...kami tak mahu tanggung rugi,” katanya.

Mahmo berkata, PBT tidak seharusnya mengambil tindakan kepada peniaga bazar Ramadan namun sepatutnya mengambil tindakan ke atas peniaga warga asing yang didakwa ‘bersepah’ di sepanjang jalan utama Taman Impian Ehsan.

“Kami nak mohon permit tapi PBT tak bagi, mereka kata tempat ni sesak dan tak sesuai diwujudkan bazar...mana ada sesak... dah dua hari kami jalankan perniagaan di sini elok sahaja,” katanya peniaga ada melantik jawatankuasa skim rondaan sukarela (SRS) untuk mengawal lalu lintas.

Penduduk setuju bazar kekal

Mohd Razif Ali, 46, mempersoalkan mengapa PBT sukar membenarkan mereka bermiaga di lokasi itu.

“Kami bermiaga empat jam sehari itu pun, 26 hari saja..bukan nak ber-

niaga selama setahun...macam mana pun kami nak pertahankan tempat ini,” katanya.

Penduduk, Mohd Shafeen Ismail, 31, berkata, dia setuju bazar Ramadan dikekalkan di tapak tersebut kerana

memudahkan penduduk berhampiran membeli juadah berbuka puasa.

Tak buat permohonan

Sementara itu, *Sinar Harian* dihamarkan, peniaga tersebut tidak membuat permohonan untuk menjadi pengajur bazar Ramadan di lokasi berkenaan.

Pihak Majlis Perbandaran Kajang (MPK) dikatakan tidak menerima sebarang permohonan daripada manapun peniaga di situ sejak permohonan penganjuran bazar Ramadan dibuka Januari lalu.

Sumber berkata, dalam mesyuarat diadakan bersama MPK, peniaga sudah dimaklumkan tidak boleh menjalankan operasi di lokasi itu.

“Mereka tak buat permohonan jadi pengajur..jadi tak bolehlah bermiaga di situ...tambahan pula mana boleh ada dua bazar di satu lokasi kerana sudah ada pengajur bazar Ramadan tidak jauh dari sini,” katanya.

Perlu faham tindakan PBT

Sementara itu, Adun Balakong, Eddie Ng Tien Chee berkata, MPK adalah pihak berkuasa yang melulus dan menolak permohonan daripada peniaga.

Menurutnya, MPK sudah meluluskan tapak baharu di Taman Impian Ehsan yang dakwanya lebih selesa dan tidak mengganggu aliran lalu lintas.

“Tapak lama menimbulkan kacau ganggu dari segi lalu lintas, saya tak nampak ada masalah di tapak baharu malah pengunjung juga ramai di situ,” katanya.

Eddie Ng berkata, peniaga yang tidak mempunyai kelulusan perlu faham MPK tidak boleh benarkan mereka bermiaga kerana tidak adil kepada mereka yang mempunyai kelulusan.



09 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: Nur Farhana Abdul Manan • Section: Nasional • Page: 37
Printed Size: 682.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 11,633.35 • PR value: MYR 34,900.05 • Item ID: MY0026231006

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3



Seorang peniaga bertindak membakar gerai diusahakan sebagai tanda protes kepada MPKj.



Sesetengah peniaga tetap membuka gerai jualan biar pun tidak mendapat kebenaran PBT.



Penguat kuasa bertindak menyita khemah niaga peniaga yang membuka gerai jualan.



09 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: Nur Farhana Abdul Manan • Section: Nasional • Page: 37
Printed Size: 682.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 11,633.35 • PR value: MYR 34,900.05 • Item ID: MY0026231006

PEJABAT SETIAHUSA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahdongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3



Kira-kira 50 peniaga bazar Ramadhan mengadakan protes mendesak MPKj membenarkan mereka bermula.



09 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 46.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 452.92
PR value: MYR 1,358.76 • Item ID: MY0026231058

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

18 penguatkuasa MBSA tamat kursus intensif

SHAH ALAM - Seramai 17 anggota penguatkuasa termasuk seorang penolong pegawai keselamatan dan pegawai penguatkuasa Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) berjaya menamatkan latihan pada Majlis Tamat Latihan Kursus Asas Penguatkuasa Siri 1/2016.

Menerusi satu kenyataan Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA berkata, anggota penguatkuasa itu menjalani

latihan dan kursus intensif selama sebulan bermula 3 Mei lalu.

Menurutnya, ia bertujuan melahirkan anggota penguatkuasa yang berpengetahuan, berintegriti serta amanah dalam melaksanakan tugas diberikan.

Penyampaian sijil di Dataran Kemerdekaan Shah Alam disempurnakan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad.



09 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: Norafiza Jaafar • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 296.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,049.00
PR value: MYR 15,147.00 • Item ID: MY0026231056

PEJABAT SETIAHANA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Tiga bulan sewa rumah tertunggak

LZS Gombak tampil bantu ibu tunggal lapan anak selesaikan bayaran

■ NORAFIZA JAAFAR

RAWANG - Seorang ibu tunggal memohon bantuan perumahan kerana bimbang diusir selepas gagal membayar tunggakan sewa yang kini masuk bulan ketiga.

Ibu kepada lapan anak, Sharifah Ropidah Syed Wandi, 56, berkata, walaupun tidak didesak mengosongkan rumah, namun kebimbangan tetap ada selepas ejen yang menyewakan rumah meminta diselesaikan tunggakan segera.

Menurutnya, pendapatannya yang mengambil upah mencuci rumah cukup sekadar belanja keperluan dapur.

"Upah setiap rumah tidak tetap bergantung kepada budi bicara tuan rumah, ada yang bagi RM15 ada bagi RM25 dan bukan setiap hari ada kerja, tunggu orang panggil baru pergi."

"Pihak surau ada bantu juga bagi tunai RM300. Bagi tambah pendapatan, saya juga jual barang runcit secara kecil-kecilan. Jika ada yang bagi bantu-

an tapi saya tak gunakan, saya akan jualnya," katanya kepada *Sinar Harian*.

Sharifah Ropidah berkata, walaupun mempunyai anak yang ramai namun kesemuanya mempunyai

komitmen masing-masing dan telah berkeluarga.

"Ada empat anak yang masih dalam tanggungan dan salah seorangnya OKU (orang kurang upaya). Seorang lagi dah bekerja tapi lepas motor hilang, dia belum mula kerja baru sebab tak ada pengangkutan."

"Kalau ada rumah pun sudah memadai, makan minum boleh dicari asalkan ada tempat berteduh," katanya.

Sementara itu, Pengurus Lembaga Zakat Selangor (LZS) Gombak, Azhar Yahya Arif berkata, pihaknya meluluskan permohonan sewaan rumah kepada Sharifah Ropidah dan akan menilai bantuan lain yang bersesuaian.

"LZS Gombak bersetuju menjanggung sewaan rumah buat keluarga ini sehingga hujung tahun ini sementara tahun berikutnya akan ditentukan mengikut keperluan semasa."

"Tunggakan tiga bulan sebelum ini telah dijelaskan pihak surau dan juga orang perseorangan," kata-

Ropidah disenaraikan dalam kumpulan asnaf Gombak.

Dalam perkembangan lain, beliau turut membuat lawatan ke rumah pasangan warga emas, Siti Hazirah Hamzah, 63, dan Abdullah Khamis, 70, yang sebelum ini kisahnya yang mengambil upah membungkus sup bunjur dilaporkan *Sinar Harian*, kelmarin.

Jelas Azhar, pasangan tersebut diberikan bantuan Ramadan RM300 dan akan diberikan perhatian khas sekiranya mereka memerlukan.

"Walaupun memperoleh pendapatan RM150 sebulan namun suaminya turut bekerja sambilan dan keluarga turut membantu."

"Kami andaikan pendapatan itu memadai buat keperluan pasangan tersebut tambahan pula mempunyai rumah sendiri dan kebanyakan bil tidak dikenakan bayaran disebabkan penggunaan minima," katanya.

Bagaimanapun katanya, kedua pasangan itu akan diberikan tumpuan dan direkodkan dalam sistem sekiranya memerlukan bantuan segera seperti kos rawatan gout suaminya.



Azhar menyerahkan kelulusan bantuan sewaan bulanan kepada Sharifah Ropidah, semalam.



09 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: NOR A2IHAN MD GHAZALI • Section: Nasional • Page: 36
Printed Size: 251.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 4,281.48 • PR value: MYR 12,844.44 • Item ID: MY0026231077

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJATAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



Page 1 of 2

Pas berdepan situasi sukar

Peluang parti berkenaan untuk menang pada PRK tipis selepas keluar dari Pakatan Rakyat

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM - Peringatan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu kepada Pas ada kebenarannya memandangkan kekuatan Pas di Sungai Besar sebelum ini adalah hasil sokongan pengundi DAP terutama di Sekinchan.

Pensyarah Geostrategis Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Azmi Hassan berkata, jika penyokong Pakatan Harapan tidak memberi undi kepada calon Pas, peluang Pas untuk menang kali ini adalah tipis.

"Pada PRU12 dan 13 lalu, Pas bersama DAP, namun tidak kali ini.

"Pada masa itu, Pas boleh

bangga dengan majoriti undi yang tidak jauh bezanya dengan calon BN yang menang, namun saya ramalkan situasi itu sukar untuk dikembalikan," katanya ketika diminta mengulas kenyataan Mohamad Sabu yang meramalkan Pas tidak akan berjaya menawan Parlimen Sungai Besar.

Beliau turut menyifatkan saranan Mohamad Sabu agar ahli Pas menyokong calon Amanah pada PRK 18 Jun ini bukan sesuatu yang janggal.

"Saranan Mohamad Sabu bukan terdesak tetapi strategi lazim parti politik memandangkan Amanah ditubuh sebagai alternatif kepada Pas dalam Pakatan Harapan.

"Apabila Amanah ditubuhkan, ia dianggap kumpulan ser-

pihan Pas yang mempunyai penyokong sama.

"Amanah sebagai parti baharu sukar untuk menarik penyokong baharu dan disebabkan itu, selain penyokong Pakatan Harapan, Amanah bergantung kepada penyokong Pas sedia ada," katanya.

Ketika ditanya adakah Mohamad Sabu menaruh harapan agar Pas kembali bersama Pakatan Harapan, Azmi berkata, Mohamad Sabu tidak boleh menyimpan harapan agar Pas kembali kerana ia akan memberi tamparan hebat kepada Amanah.

"Jika itu berlaku, maka tamatlah riwayat Amanah dalam Pakatan Harapan," katanya.

Menurutnya, apabila ber-

laku pertandingan tiga penjuru di Sungai Besar antara Pas, Amanah dan BN, tidak mustahil kedua-duanya akan tewas kepada BN disebabkan pecah undi.

Terdahulu, Presiden Amanah, Mohamad Sabu minta ahli Pas secara diam turun mengundi calon Amanah pada PRK Sungai Besar 18 Jun ini.

Beliau turut mengingatkan Pas supaya tidak lupa diri menerusi kejayaannya menawan 15 kerusi Dun di Selangor hasil bantuan rakan sekutu dalam Pakatan Rakyat.

Pilih Amanah bukan Pas

Mat Sabu ajak ahli Pas berpaling tadah undi calon Amanah, tewaskan BN

KUALA KANGSAR - Parti Amanah Negara (Amanah) masihlah Pas berpaling tadah undi, meninggalkan ahli mereka seperti BN dapat ditawarkan dalam PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar. Presiden Amanah, Mohamad Sabu berkata, ini kerana perjuangan Pas secara berjaya akan berjaya

Laporan Sinar Harian, semalam.



[Text from the image: "Kala kita bercakap dalam istihab pilihan raya, kalau kembali seorang diri ya, kita lahir. Seorang temanlah di Kodah. Kehadiran hamipun 100/000. Piski kopong pun pulih seolah mati remandang. Tetapi bila datang pilihan raya tempat comalah ini pun tidak menang. Orang bukan Melati tidak mengundi kita. Orang bukan Melati, Melayu di sesetengah tempat ada".]



09 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Author: NOR A2IHAN MD GHAZALI • Section: Nasional • Page: 36
Printed Size: 251.00cm² • Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color
Ad Value: MYR 4,281.48 • PR value: MYR 12,844.44 • Item ID: MY0026231077

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakohongor@gmail.com



Page 2 of 2



“ Jika penyokong Pakatan Harapan tidak memberi undi kepada calon Pas, peluang Pas untuk menang kali ini adalah tipis .” - Azmi



09 Jun 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 42 • Printed Size: 323.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 5,509.63
PR value: MYR 16,528.89 • Item ID: MY0026231084

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@ssn.gov.my



isentia.mediaportal

